

AIBM Group Takaful2u

MY Sijil Induk



Ini adalah Sijil Induk untuk pelan takaful anda.

Sila baca untuk memahami semua manfaat serta terma dan syarat penting yang terpakai untuk perlindungan takaful anda. Jangan risau, kami telah menyediakannya supaya ia mudah untuk dibaca.

Jika anda memerlukan bantuan, hubungi talian kami: 1 300 13 7988

FWD Takaful Berhad, No. Pendaftaran: 200601011780 (731530-M)

Sijil Induk AIBM Group Takaful2u
(No. Sijil: GT000010)

AEON INSURANCE BROKERS (M) SDN. BHD. (“Pemilik Sijil Induk”) dan ahli - ahli yang layak (“Orang Dilindungi”) dengan ini bersetuju untuk menyertai dan membuat sumbangan yang diperlukan berdasarkan Tabarru’ dalam Sijil Induk AIBM Group Takaful2u yang diuruskan oleh FWD Takaful Berhad (“Pengendali Takaful” atau “FWD Takaful”) tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Sijil Induk (“Sijil Induk”) ini.

AEON INSURANCE BROKERS (M) SDN. BHD. dan ahli-ahli yang layak juga bersetuju untuk membenarkan Pengendali Takaful berdasarkan kontrak Wakalah untuk menguruskan dana risiko peserta yang berkaitan, dengan pelan takaful ini.

FWD Takaful dengan ini bersetuju untuk menguruskan dana risiko peserta untuk menyediakan perlindungan takaful kepada orang dilindungi bersesuaian dengan peruntukan-peruntukan di dalam Sijil Induk ini.



Salim Majid Zain
Chief Executive Officer
FWD Takaful Berhad

Tarikh: 01/11/2023



Rujukan ringkas

	Mengenai sijil induk	1		Peruntukan lain	13
	Informasi sijil induk	1		Ubah suaian	13
	Penyata informasi sijil	1		Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001	13
	Definisi	4		Timbang tara	13
	Orang utama di bawah Sijil Induk ini	4		Perubahan terhadap sijil anda untuk mematuhi undang-undang	13
	Definisi lain	4		Pertikaian bayaran	14
	Konsep takaful	7		Syarat am	14
	Apakah maksud takaful?	7		Undang-undang terpakai	14
	Prinsip-prinsip Syariah	7		Membuat tuntutan	14
				Salah nyata umur	14
				Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010	15
				Pemilikan sijil	15
				Tempoh takaful dan pembaharuan	15
	Sumbangan dan yuran	9			
	Membayar sumbangan	9		Lampiran	16
	Penyertaan dan jumlah dilindungi	10		Lampiran 1.0 – Manfaat kematian (semua sebab)	16
	Jumlah dilindungi	10		Lampiran 6.0 – Manfaat kematian akibat kemalangan	18
	Kelayakan	10			
	Penyertaan	10			
	Had perlindungan percuma	11			
	Memulakan, membatalkan atau menamatkan sijil anda	12			
	Bila perlindungan takaful bermula	12			
	Bila perlindungan takaful tamat	12			
	Penamatan perlindungan tanggungan secara automatik	12			
	Penamatan Sijil Induk	12			



Mengenai sijil induk

Terima kasih kerana memilih FWD Takaful Berhad.

Informasi sijil induk

No. Sijil Induk	: GT000010
Pemilik Sijil Induk	: AEON INSURANCE BROKERS (M) SDN BHD
Tarikh Mula	: 01/11/2023
Tarikh Dikeluarkan	: 01/11/2023

Prakata untuk kontrak takaful pengguna (Takaful sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda)

Sijil Induk ini dikeluarkan sebagai kontrak takaful antara anda dan kami setelah kami menerima permohonan dan sumbangan untuk perlindungan takaful. Hubungan antara anda dan orang dilindungi dengan peserta lain yang berkaitan adalah berdasarkan Tabarru' dan Ta'awun (saling membantu) dan hubungan antara anda, ahli-ahli yang layak dan kami adalah berdasarkan kontrak Wakalah. Hubungan di atas adalah ditentukan oleh Sijil Induk ini.

Sijil anda terdiri daripada dokumen-dokumen yang disenaraikan di bawah:

- Sijil Induk ini.
- Jadual Sijil Induk.
- Borang permohonan dan sebarang dokumen yang anda sertakan.
- Sebarang endorsmen terhadap Jadual Sijil Induk.
- Senarai ahli.

Sebarang perubahan atau pertukaran yang diminta ke atas terma-terma di dalam Sijil Induk ini akan berkuatkuasa dengan pengendorsan kami.

Sekiranya terdapat sebarang salah nyata berkaitan dengan jawapan atau pendedahan yang dibuat oleh anda semasa pra-kontrak, hanya remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai. Sijil Induk ini menggariskan terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang dipersetujui antara anda dan kami.

Ini adalah plan takaful yang diuruskan oleh FWD Takaful Berhad berlandaskan prinsip Syariah dan dipimpin oleh Jawatankuasa Syariah kami.

Penyata informasi sijil

Bukti umur

Untuk kami membayar apa-apa manfaat, kami akan meminta anda untuk menyediakan bukti umur orang dilindungi. Anda boleh berbuat demikian dengan menyediakan salah satu salinan perkara berikut bagi orang dilindungi:

- Kad pengenalan (KP).
- Sijil kelahiran.

Membayar sumbangan anda

Untuk bayaran sumbangan anda, kami menyediakan perlindungan yang anda pilih. Anda boleh membayar sumbangan anda kepada kami melalui mana-mana cara yang berikut.

- Auto-debit dari kad kredit (jika berkenaan).
- Auto "direct debit" secara terus dari akaun bank.
- Bayaran elektronik.

Anda hendaklah memastikan anda membayar sumbangan dalam tempoh 60 hari dari tarikh mula seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Induk atau tarikh sumbangan perlu dibayar.

Adalah penting untuk anda menyimpan resit yang kami berikan kepada anda sebagai bukti pembayaran sumbangan untuk sebarang rujukan di masa hadapan.

Penamaan

Penamaan adalah tidak dibenarkan di bawah Sijil Induk/ Jadual Sijil Induk.

Tempoh percubaan 15 hari

Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil anda, dan anda belum membuat sebarang tuntutan di bawahnya, anda mempunyai 15 hari dari tarikh anda menerima Sijil Induk ini untuk membatalkannya dan menerima kembali sumbangan anda.

Anda tidak akan dapat membuat tuntutan di bawah sijil anda setelah ia dibatalkan.

Apa yang perlu anda lakukan

Kami perlu menerima notis bertulis daripada anda untuk membatalkan Sijil Induk. Kami mesti menerima notis anda dalam tempoh percubaan selama 15 hari.

Apa yang kami akan lakukan

Kami akan membayar balik sumbangan yang dibayar, setelah menolak yuran pemeriksaan perubatan yang kami telah bayar (jika ada). Kami akan membatalkan Sijil Induk anda, dan anda tidak boleh membuat tuntutan manfaat di bawahnya.

Penyerahan Sijil Induk

Anda boleh menyerahkan Sijil Induk pada bila-bila masa selepas tempoh percubaan 15 hari. Jika anda menyerahkan Sijil Induk anda, orang dilindungi:

- akan kehilangan perlindungan; dan
- anda mungkin menerima jumlah yang kurang daripada apa yang anda telah sumbangkan.

Beritahu kami tentang sebarang perubahan

Anda harus memberitahu kami tentang sebarang perubahan penting kepada butiran peribadi anda (alamat atau nombor telefon).

Bagaimana untuk menghubungi kami jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau hendak membuat tuntutan

Hubungi **Talian Perkhidmatan kami di 1 300 13 7988** jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai sijil anda, atau jika anda perlu membuat tuntutan. Lihat 'Apa yang anda perlu lakukan apabila membuat tuntutan' di setiap bahagian manfaat untuk maklumat lanjut tentang cara membuat tuntutan.

Jika anda mempunyai soalan

Jika anda masih mempunyai sebarang soalan selepas anda membaca Sijil Induk ini, sila hubungi **Talian Perkhidmatan kami di 1 300 13 7988** – Kami sedia membantu anda.

Sila semak Jadual Sijil Induk untuk memastikan ia memenuhi keperluan anda. Untuk mengelakkan salah tafsir, adalah penting Sijil Induk ini, Jadual Sijil Induk dan sebarang endorsmen yang dilampirkan dibaca dengan teliti.

Bagaimana menyelesaikan kemusykilan atau aduan

Kami ingin menyelesaikan sebarang kemusykilan atau aduan anda dengan secepat mungkin. Anda boleh mengikuti langkah-langkah di bawah untuk menyelesaikan kemusykilan anda.

Bagaimana menyelesaikan kemusykilan atau aduan

Langkah 1 – Bercakap dengan kami

Perkara pertama yang perlu anda lakukan adalah bercakap dengan salah seorang daripada perunding kami mengenai kemusykilan anda. Hubungi Talian Perkhidmatan kami di 1 300 13 7988. Isnin hingga Jumaat: 9 pagi hingga 6 petang, kecuali Hujung Minggu dan Cuti Umum.

Perunding atau pengurus kami akan cuba menyelesaikan aduan anda secepat mungkin.

Langkah 2 – Hubungi atau tulis kepada Unit Aduan kami

Jika anda merasakan aduan anda tidak dapat diselesaikan, anda boleh menulis kepada:

Unit Aduan FWD
Tingkat 29 Menara Shell
211 Jalan Tun Sambanthan, Brickfields
50470 Kuala Lumpur

Bebas Tol: 1 300 13 7988
Tel: 03-2771 7888
Faks: 03-2710 7800
E-mel: contact.my@fwd.com

Kami akan memberikan maklum balas terhadap aduan anda dalam masa 3 hari bekerja bermula dari tarikh kami menerimanya.

Langkah 3 – Dapatkan pandangan luar daripada OPK

Jika kami tidak dapat menyelesaikan aduan anda, anda boleh memilih untuk membuat aduan dengan Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK). OPK ialah pusat penyelesaian pertikaian yang menawarkan perkhidmatan percuma bagi penyelesaian pertikaian yang melibatkan institusi kewangan dan pengguna.

Anda boleh membuat aduan melalui pos, faks, secara dalam talian, atau bertemu secara peribadi. Maklumat Ombudsman adalah seperti berikut:

Tingkat 14
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

Tel: 03-2272 2811
Faks: 03-2272 1577
E-mel: enquiry@ofs.org.my
Laman Web: www.ofs.org.my

Jumlah yang terlibat dalam pertikaian haruslah dalam lingkungan bidang kuasa Ombudsman.

Langkah 4 – Dapatkan pandangan luar daripada BNMLINK atau BNMTELELINK

Jika kami atau OPK tidak dapat menyelesaikan aduan anda, anda juga boleh memilih untuk membuat aduan dengan Laman Informasi Nasihat dan Khidmat Bank Negara Malaysia (BNMLINK atau BNMTELELINK).

BNMLINK menyediakan perkhidmatan pelanggan secara bersemuka kepada pelanggan yang berkunjung yang mempunyai pertanyaan am dan aduan daripada orang ramai. Maklumat BNMLINK adalah seperti berikut:

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK)
Tingkat Bawah, Blok D
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur

Waktu Operasi:
9:00 pagi - 5:00 petang
(Isnin - Jumaat)

Contact Centre (BNMTELELINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1 300 88 5465 (1-300-88-LINK)
(Tel Luar Negara: 603-2174-1717)

Waktu Operasi:
9:00 pagi - 5:00 petang
(Isnin - Jumaat)
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my
SMS: 15888
Faks: 603-2174-1515



Definisi

Dalam Sijil Induk ini di mana konteks yang menyatakan sesuatu jantina adalah termasuk setiap jantina, perkataan-perkataan yang bermaksud tunggal juga akan merangkumi perkataan-perkataan majmuk dan sebaliknya, dan perkataan dan ungkapan di bawah membawa maksud seperti berikut.

Orang utama di bawah Sijil Induk ini

Pemilik sijil, anda	Pemilik Sijil Induk seperti yang dinyatakan di dalam Informasi Sijil Induk yang boleh melaksanakan hak, keistimewaan dan pilihan yang terdapat di bawah Sijil Induk ini.
Orang dilindungi	Seseorang yang merupakan ahli pemilik sijil yang layak untuk menyertai di bawah Sijil Induk ini sebagai orang dilindungi yang dinyatakan di dalam senarai ahli.
Pengendali takaful, kami	FWD Takaful Berhad, pengendali takaful yang mengeluarkan Sijil Induk ini, Jadual Sijil Induk dan senarai ahli.

Definisi lain

Manfaat berkurangan	Manfaat selain daripada manfaat tambahan. Sebarang bayaran yang dibuat untuk manfaat berkurangan akan mengurangkan jumlah dilindungi bagi manfaat berkurangan yang lain dan manfaat kematian di bawah Sijil Induk ini.
Kemalangan	Peristiwa tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka dan luar biasa yang berlaku pada masa dan tempat yang boleh dikenalpasti, yang mana, tidak bergantung kepada sebab yang lain, menjadi penyebab tunggal kecederaan badan.
Aktiviti kehidupan harian	Aktiviti-aktiviti berikut: <ul style="list-style-type: none">■ Pemandahan: Keupayaan untuk naik atau turun daripada kerusi tanpa memerlukan pertolongan fizikal daripada orang lain.■ Mobiliti: Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan pertolongan fizikal daripada orang lain.■ Pengawasan: Keupayaan untuk mengawal secara sukarela fungsi usus dan pundi bagi menjaga kebersihan diri.■ Berpakaian: Keupayaan untuk memakai dan membuka semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan pertolongan orang lain.■ Mandi atau mencuci: Keupayaan untuk membersihkan diri di dalam tab mandi atau bilik pancuran air (termasuk keluar atau masuk dari dalam tab mandi atau bilik pancuran air) atau membersihkan dengan lain-lain cara.■ Makan: Semua gerak laku untuk memasukkan makanan ke dalam badan selepas ia disediakan.

Aktif bekerja	“Aktif Bekerja” bermakna seseorang pekerja dianggap “Aktif Bekerja” jika dia melaporkan diri untuk bekerja pada tarikh berkenaan di tempat pekerjaannya yang biasa dengan Pemilik Sijil Induk dan tempat pekerjaan biasa tersebut adalah di luar kediamannya, dan jika dia melaporkan mampu menjalankan semua tugas biasa dan lazim bagi pekerjaannya secara tetap dengan sepenuh masa. Jika seseorang pekerja tidak melaporkan diri, atau jika tempat pekerjaan biasanya dengan Pemilik Sijil Induk adalah bukan di luar kediamannya, dia akan dianggap “Aktif Bekerja” jika pada bila-bila masa bagi tarikh berkenaan, dia tidak dimasukkan ke hospital atau hilang upaya sehingga tidak dapat melaporkan diri di tempat pekerjaannya secara tetap dengan sepenuh masa.
Manfaat tambahan	Manfaat yang merupakan tambahan kepada jumlah dilindungi kematian. Sebarang bayaran yang dibuat untuk manfaat tambahan tidak akan mengurangkan jumlah dilindungi bagi manfaat lain di bawah Sijil Induk ini.
Umur	Umur orang dilindungi berdasarkan umur pada hari lahir berikutnya.
Tahun sijil	Tempoh satu tahun termasuk tarikh mula perlindungan takaful dan sebaik sahaja selepas tarikh itu atau tempoh satu tahun selepas pembaharuan Sijil Induk dibuat.
Tempoh perlindungan	Tempoh perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Induk/senarai ahli.
Tanggungan	<p>Mana-mana orang yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ suami atau isteri ahli yang sah yang layak untuk menyertai perlindungan takaful. ■ anak-anak ahli yang sah yang belum berkahwin yang layak untuk menyertai perlindungan takaful.
Hilang upaya	Keadaan fizikal kesihatan yang lemah yang memerlukan rawatan perubatan disebabkan oleh penyakit atau kecederaan.
Doktor atau Pakar perubatan atau Pakar bedah atau Pengamal perubatan	Seorang yang berkelayakan dan mempunyai lesen untuk melakukan khidmat perubatan barat dan berdaftar dengan pihak berkuasa yang berkenaan di Malaysia untuk menjalankan khidmat perubatan dalam skop yang dibenarkan oleh pihak berkuasa dan berdasarkan latihan beliau tetapi tidak termasuk orang dilindungi, pasangan mereka atau saudara mereka yang terdekat.
Tarikh mula individu	Tarikh seseorang yang layak menjadi orang dilindungi di bawah Sijil Induk ini seperti yang dinyatakan di dalam senarai ahli.
Kecederaan	Kecederaan yang boleh dilihat pada luaran badan yang disebabkan secara langsung oleh kemalangan dan sebab-sebab lain secara sendirinya, kecuali untuk kes lemas atau kecederaan dalaman yang didedahkan oleh autopsi. Ia memerlukan bukti lebam yang nyata atau kecederaan di badan.
Tidak boleh dipulihkan	Tidak dapat ditambah baik dengan rawatan perubatan dan/atau prosedur pembedahan yang selaras dengan piawaian perkhidmatan perubatan terkini yang terdapat di Malaysia.
Senarai ahli	Senarai yang dikeluarkan oleh kami secara berkala yang menunjukkan butiran maklumat setiap orang dilindungi di bawah Sijil Induk ini seperti manfaat, jumlah dilindungi dan sumbangan.



Definisi

Tarikh mula Sijil Induk	Tarikh mula perlindungan di bawah Sijil Induk ini seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Induk ini.
Jadual Sijil Induk	Dokumen yang dikeluarkan oleh kami sebagai pengesahan kepada perlindungan takaful yang diberikan kepada orang dilindungi.
Ahli	Seseorang yang diperkenalkan oleh pemilik sijil kepada pengendali takaful dan layak menyertai di bawah Sijil Induk ini.
Sebab semulajadi	Sebab kepada peristiwa yang dilindungi adalah akibat penyakit atau sebarang sebab lain selain kemalangan.
Dana risiko peserta	Dana yang kami uruskan berdasarkan prinsip Syariah untuk manfaat bersama semua Orang Dilindungi. Manfaat-manfaat takaful bagi Sijil Induk ini akan dibayar daripada dana risiko peserta ini.
Defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	Simptom disfungsi dalam sistem saraf yang ditemui semasa pemeriksaan klinikal dan dijangka kekal seumur hidup bagi orang dilindungi. Simptom-simptom yang dilindungi termasuk kebas, lumpuh, kelemahan setempat, dysarthria (kesukaran bertutur), aphasia (ketidakupayaan bertutur), dysphagia (kesukaran menelan), kecacatan visual, kesukaran berjalan, kekurangan koordinasi, tremor, sawan, demensia, delirium dan koma.
Keadaan sedia ada	Sebarang keadaan atau gejala yang sedia ada sebelum tarikh mula individu bagi perlindungan takaful orang dilindungi di bawah Sijil Induk ini yang sewajarnya diketahui oleh orang dilindungi. Orang dilindungi boleh dianggap mempunyai pengetahuan sewajarnya terhadap keadaan sedia ada di mana keadaannya adalah salah satu berikut: <ul style="list-style-type: none">■ orang dilindungi telah atau sedang menerima rawatan;■ nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;■ gejala yang jelas dan berbeza yang boleh dilihat atau telah dilihat dengan nyata; atau■ kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.
Pembaharuan atau Sijil yang diperbaharui	Sijil Induk yang telah diperbaharui tanpa sebarang tempoh luput sebaik sahaja tamatnya tempoh Sijil Induk sebelumnya dengan kandungan yang sama.
Skim	AIBM Group Takafu2u.
Sakit, wabak atau penyakit	Keadaan fizikal yang berbeza daripada keadaan kesihatan normal ditanda dari segi patologi.
Jumlah dilindungi	Jumlah dilindungi untuk perlindungan takaful bagi setiap orang dilindungi di bawah Sijil Induk ini seperti yang dinyatakan di dalam senarai ahli.



Konsep takaful

Bahagian ini mendefinisikan takaful dan menerangkan prinsip-prinsip Syariah yang diguna pakai dalam Sijil Induk dan Jadual Sijil Induk.

Apakah maksud takaful?

Takaful adalah satu skim bantu-membantu berdasarkan semangat persaudaraan dan solidariti di mana, anda dan pemilik sijil/orang dilindungi lain bersetuju untuk membantu antara satu sama lain dari segi kewangan apabila peristiwa berkaitan seperti yang dinyatakan dalam sijil takaful masing-masing berlaku.

Prinsip-prinsip Syariah

Wakalah

Kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan sesuatu tugas yang mungkin diberikan, dengan atau tanpa dikenakan yuran.

Tabarru'

Ia adalah derma untuk tujuan takaful di mana pemilik sijil/orang dilindungi bersetuju untuk menderma ke akaun yang dikenali sebagai dana risiko peserta. Tabarru' ini akan digunakan untuk membantu orang dilindungi yang lain pada masa mereka memerlukan.

Terpakai apabila berlakunya tuntutan, di mana dana risiko peserta akan membayar tuntutan tersebut berdasarkan kontrak Tabarru'.

Ju'alah

Ganjaran bagi pengendali takaful untuk prestasi baik dana risiko peserta yang akan diuruskannya.

Jika terdapat pembahagian lebihan yang boleh diagihkan pada akhir setiap tahun kewangan, ia akan dikongsi sama rata antara pemilik sijil/orang dilindungi yang layak dan FWD Takaful Berhad pada nisbah 50:50 berdasarkan kontrak Ju'alah.

Qard

Pinjaman tanpa faedah yang kami berikan kepada dana risiko peserta sekiranya ia mengalami defisit. Qard akan dibayar balik daripada sebarang jumlah lebihan masa depan dalam dana risiko peserta.



Dana risiko peserta

Kami menguruskan dana risiko peserta berlandaskan Syariah (undang-undang Islam) dan dengan cara yang memelihara kepentingan peserta-peserta. Kami boleh mengambil sebarang tindakan yang dianggap perlu untuk manfaat peserta-peserta dan DRP atas pertimbangan budi bicara kami termasuk mendapatkan takaful semula yang mencukupi, berdasarkan syarat-syarat Syariah dan kawal selia.

Wang yang kami bayar ke dalam dana risiko peserta yang berkaitan dianggap sebagai dana tabarru' untuk manfaat bersama kesemua peserta. Ia digunakan untuk membayar manfaat kepada penuntut yang berhak mendapat manfaat berdasarkan:

- semangat persaudaraan dan tolong-menolong di kalangan peserta; dan
- tertakluk kepada semua terma dan syarat dalam sijil ini.

Setiap daripada DRP yang diuruskan oleh kami adalah dimiliki secara kolektif oleh peserta yang menyertai DRP berkaitan.

Tabarru' akan berkuatkuasa apabila orang dilindungi menyumbang kepada DRP berkaitan.

Kami akan mengelakkan pelaburan aset-aset dana risiko peserta dalam sekuriti dan aset yang dilarang oleh Syariah.

Semua kos, perbelanjaan, caj-caj dan levi-levi untuk penyelenggaraan dan pelaburan aset-aset daripada dana risiko peserta dan mana-mana perbelanjaan berkaitan akan ditanggung dan dibayar daripada dana risiko peserta.

Kami akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang terbukti kepada dana risiko peserta, sekiranya kerugian tersebut adalah disebabkan oleh salah urus atau kecuaiannya kami dalam menguruskan dana risiko peserta.

Perkongsiian lebihan

Pada setiap akhir tahun kewangan, kami akan mengira sekiranya terdapat sebarang lebihan di dalam dana risiko peserta. Sekiranya ada, kami akan terlebih dahulu membayar balik sebarang jumlah qard yang diberikan kepada dana risiko peserta bagi defisit masa lalu. Kemudian, kami akan berkongsi baki lebihan yang boleh diagihkan, di mana 50% akan diagihkan kepada pengendali takaful sebagai ju'alah dan 50% selebihnya akan dikongsi antara peserta yang layak. Lebihan akan dibayar pada tarikh luput perlindungan takaful.



Sumbangan dan yuran

Bahagian ini menerangkan sumbangan serta yuran yang dikenakan di bawah Sijil Induk ini.

Membayar sumbangan

Kami akan menentukan amaun sumbangan bagi setiap orang dilindungi untuk perlindungan takaful yang disediakan. Jumlah sumbangan dan mod bayaran yang terpakai dinyatakan di dalam Jadual Sijil Induk.

Anda perlu membayar sumbangan yang pertama sebelum tarikh mula Sijil Induk dan sumbangan seterusnya perlu dibayar pada tarikh sumbangan perlu dibayar mengikut mod bayaran.

Sumbangan pro-rata

Kami akan mengira sumbangan pro-rata bagi orang dilindungi yang mempunyai tarikh mula individu yang lebih lewat dari tarikh mula Sijil Induk. Bagi orang dilindungi tersebut, anda akan membayar sumbangan untuk tempoh antara tarikh mula individu orang dilindungi tersebut dan tarikh ulang tahun Sijil Induk yang seterusnya.

Jika orang dilindungi sudah tidak dilindungi di bawah Sijil Induk untuk sebarang sebab selain daripada tuntutan mana-mana manfaat yang disediakan, kami akan mengembalikan sumbangan yang telah dibayar secara pro-rata kepada anda untuk tempoh antara tarikh penamatan dan tarikh ulang tahun Sijil Induk yang seterusnya.

Kadar sumbangan tidak dijamin

Kadar sumbangan di atas adalah tidak dijamin. Ini bermakna kami boleh menukar kadar sumbangan pada pembaharuan.

Jaminan sumbangan

Anda hendaklah membayar sumbangan yang ditetapkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh mula Sijil Induk/endorsmen/pembaharuan bagi perlindungan kepada orang dilindungi.

Sekiranya kami tidak menerima sumbangan dalam tempoh 60 hari tersebut, Sijil Induk akan ditamatkan secara automatik dan kami akan mengenakan caj iaitu sumbangan pro-rata bagi tempoh di mana kami berisiko, jika ada.

Yuran wakalah

Sumbangan yang perlu dibayar tertakluk kepada yuran wakalah yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Induk. Yuran wakalah akan ditolak daripada sumbangan dan akan dibayar kepada pengendali takaful bagi menguruskan semua sijil takaful. Baki sumbangan akan diperuntukkan ke dalam dana risiko peserta.

Yuran wakalah adalah tidak dijamin. Ini bermakna kami boleh menyemak dan menukarnya dengan memberikan anda notis 3 bulan secara bertulis.

Tabarru'

Baki daripada sumbangan selepas ditolak yuran wakalah akan diperuntukkan ke dalam dana risiko peserta sebagai tabarru' (derma).



Penyertaan dan jumlah dilindungi

Bahagian ini menerangkan siapa yang boleh menyertai dan jumlah dilindungi untuk perlindungan takaful.

Jumlah dilindungi

Kami nyatakan jumlah dilindungi bagi perlindungan takaful setiap orang dilindungi yang bermula di bawah Sijil Induk ini di dalam senarai ahli. Anda akan memaklumkan kepada kami jika anda ingin membuat sebarang perubahan kepada amaun jumlah dilindungi bagi mana-mana orang dilindungi. Kami akan membuat perubahan tersebut secara automatik tertakluk kepada had perlindungan percuma seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Induk, jika kami luluskan.

Kelayakan

Bagi ahli:

Kelayakan untuk dilindungi di bawah Sijil Induk ini mestilah:

- aktif bekerja pada tarikh mereka menjadi orang dilindungi;
- berada dalam umur yang layak seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Induk yang dikeluarkan kepada anda;
- orang dilindungi menetap di Malaysia secara sah iaitu warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia; dan
- bekerja untuk tempoh kontrak sekurang-kurangnya 12 bulan.

Bagi tanggungan:

Kelayakan untuk dilindungi di bawah Sijil Induk ini mestilah:

- hanya apabila ahli memohon untuk mendaftar tanggungan dan akan berkuatkuasa apabila kami memutuskan bukti kepentingan takaful adalah memuaskan, dan di mana bukti tersebut dikemukakan atas perbelanjaan anda.
- tanggungan menetap di Malaysia secara sah iaitu warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia, ekspatriat dengan pas pekerjaan yang sah, pekerja asing dengan permit kerja yang sah.

Penyertaan

Kami akan meminta maklumat atau dokumen tambahan berkenaan orang yang layak sebelum kami membuat keputusan sama ada untuk menerimanya untuk perlindungan takaful di bawah Sijil Induk ini. Kami boleh mengikut budi bicara mutlak kami untuk menerima atau menolak mana-mana orang yang layak untuk perlindungan takaful di bawah Sijil Induk ini.

Orang yang layak dengan jumlah dilindungi melebihi had perlindungan percuma seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Induk akan menjalani pemeriksaan kesihatan yang kami nasihatkan.

Kami akan mengeluarkan kepada anda senarai ahli yang memperincikan butiran orang dilindungi yang diterima di bawah Sijil Induk ini.

Had perlindungan percuma

Kami boleh menerima amaun jumlah dilindungi yang melebihi had perlindungan percuma seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Induk jika kami berpuas hati dengan:

- bukti kelayakan; dan/atau
- keputusan pemeriksaan kesihatan orang dilindungi.

Kami akan memaklumkan anda jika orang dilindungi perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan ia akan dilakukan oleh pengamal perubatan yang diluluskan oleh kami. Kami akan membayar kos pemeriksaan kesihatan tersebut.

Jumlah dilindungi bagi orang dilindungi adalah sehingga had perlindungan percuma sahaja jika:

- orang dilindungi tidak menjalani pemeriksaan kesihatan yang diperlukan oleh kami; atau
- kami tidak berpuas hati dengan keputusan pemeriksaan kesihatan orang dilindungi.

Kami boleh mengenakan sumbangan tambahan atau syarat-syarat khusus kepada orang dilindungi tersebut.

Orang dilindungi tidak perlu menjalani pemeriksaan kesihatan jika jumlah dilindungi kurang daripada had perlindungan percuma.

Kami akan menentukan semula had perlindungan percuma pada setiap tarikh ulang tahun Sijil Induk dan kami berhak untuk meminta bukti kelayakan bagi setiap kenaikan jumlah dilindungi yang melebihi had perlindungan percuma.



Memulakan, membatalkan atau menamatkan sijil anda

Bahagian ini menerangkan bila Jadual Sijil dan Jadual Sijil Induk anda bermula dan tamat.

Bila perlindungan takaful bermula

Perlindungan takaful bagi orang dilindungi bermula pada tarikh mula seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Induk.

Bagi orang dilindungi yang memasuki skim selepas tarikh mula Sijil Induk, perlindungan takaful bermula pada tarikh mula individu seperti yang dinyatakan di dalam senarai ahli.

Bila perlindungan takaful tamat

Perlindungan takaful orang dilindungi akan tamat secara automatik berdasarkan mana-mana yang berikut, yang berlaku terlebih dahulu:

- pada tarikh kami membayar manfaat kematian;
- pada tarikh kami membayar sebarang manfaat lain yang telah mengurangkan 100% daripada jumlah dilindungi;
- pada tarikh luput seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Induk; atau
- pada tarikh kami menerima arahan daripada pemilik sijil untuk menamatkan perlindungan takaful bagi orang dilindungi.

Perlindungan takaful bagi orang dilindungi akan tamat serta-merta dan liabiliti kami berhubung perlindungan takaful akan tamat.

Penamatan perlindungan tanggungan secara automatik (jika berkenaan)

- pada tarikh perlindungan ahli tamat;
- pada tarikh kematian tanggungan atau mana-mana peristiwa dilindungi yang lain (jika ada) yang telah mengurangkan 100% daripada jumlah dilindungi; atau
- pada tarikh tanggungan tersebut tidak lagi menjadi tanggungan seperti yang didefinisikan di dalam Sijil Induk ini.

Penamatan Sijil Induk

Pemilik sijil boleh menamatkan Sijil Induk ini dengan memberikan notis 30 hari secara bertulis kepada kami.

Perlindungan takaful orang dilindungi akan diteruskan sehingga Sijil Induk luput berdasarkan peruntukan yang dinyatakan di dalam Sijil Induk ini.

Penamatan Sijil Induk tidak akan memberi kesan kepada tuntutan yang berlaku sebelum tarikh penamatan Sijil Induk.



Peruntukan lain

Dalam bahagian ini, kami menerangkan peruntukan-peruntukan penting lain di bawah Sijil Induk dan Jadual Sijil Induk.

Ubah suaian

Kami boleh mengubah suai terma dan peruntukan Sijil Induk/Jadual Sijil Induk dengan memberikan notis awal 30 hari secara bertulis melalui pos kepada alamat terkini anda yang berada dalam rekod kami. Anda juga boleh meminta untuk membuat sebarang perubahan dan kami boleh setuju dengannya. Ubah suaian tersebut akan diguna pakai bermula pembaharuan Sijil Induk yang seterusnya. Sebarang ubah suaian adalah sah jika kami benarkan dan kelulusan tersebut telah disahkan oleh kami. Kami juga akan memberi notis bertulis awal 30 hari berdasarkan alamat terkini yang direkod bagi sebarang ubah suaian yang dibuat.

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001

Kami mungkin perlu membekukan atau menyita sebarang wang yang diterima atau yang perlu dibayar di bawah Sijil Induk anda:

- mengikut perintah pihak berkuasa yang berkenaan; atau
- jika kami menemui, atau jika kami mempunyai keraguan yang munasabah bahawa, anda atau orang dilindungi disekat di bawah mana-mana pihak berkuasa kompeten yang diiktiraf oleh kami, bagi aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram atau aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembiayaan keganasan;

di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Jika ini berlaku, kami akan menamatkan Sijil Induk anda dan/atau perlindungan bagi orang dilindungi dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua sumbangan yang dibayar dan semua jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil Induk anda dengan sebarang cara yang kami anggap sesuai, yang mungkin termasuk menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

Timbang tara

Sebarang pertikaian yang timbul berkaitan dengan Sijil Induk ini yang tidak boleh diselesaikan melalui rundingan antara dua pihak akan dikemukakan kepada timbang tara di Kuala Lumpur selaras dengan Peraturan Timbang Tara Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia pada masa yang sedang berkuatkuasa. Tempat timbang tara adalah di Kuala Lumpur dan keputusan Penimbang Tara adalah muktamad dan menyatukan kedua-dua belah pihak.

Perubahan terhadap sijil anda untuk mematuhi undang-undang

Kami mempunyai kuasa untuk membuat sebarang perubahan kepada Sijil Induk/Jadual Sijil Induk untuk mematuhi undang-undang. Sekiranya kami perlu membuat perubahan, kami akan memberikan notis bertulis kepada pemilik sijil dan orang dilindungi.



Pertikaian bayaran

Kami boleh mempertikaikan kesahihan Sijil Induk anda dalam keadaan tertentu seperti yang dinyatakan dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Sekiranya kami berbuat sedemikian, kami boleh mengisytiharkan bahawa Sijil Induk tersebut adalah tidak sah dan menganggapnya sebagai tidak pernah wujud. Anda tidak berhak mendapat sebarang manfaat di bawah Sijil Induk ini.

Jika anda:

- tidak memberikan maklumat yang tepat dan benar;
- memberi kami maklumat yang mengelirukan atau ditokok tambah; atau
- membuat sebarang salah nyataan;

kami boleh mempertikaikan apa-apa tuntutan dalam tempoh 2 tahun pertama sijil. 2 tahun tersebut bermula dari tarikh mula seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Induk atau senarai ahli, mana yang kemudian.

Jika anda:

- membuat kenyataan fraud mengenai perkara material;
- menyelindungi atau meninggalkan sesuatu fakta material secara fraud;

dalam permohonan anda, kami boleh mempertikaikan sebarang bayaran pada bila-bila masa.

Perkara-perkara dan fakta-fakta material

Sesuatu perkara material atau fakta material adalah sesuatu yang akan menyebabkan kami:

- enggan mengeluarkan Jadual Sijil Induk kepada anda; atau
- meminta anda bersetuju dengan terma khas yang terkandung pada Jadual Sijil Induk anda sebelum kami mengeluarkan Jadual Sijil Induk;

jika anda telah memaklumkan kami mengenainya.

Jika kami mempertikaikan Jadual Sijil Induk anda, kami akan meneliti semula Jadual Sijil Induk anda dan memutuskan sama ada kami mempunyai sebab untuk mengisytiharkannya tidak sah. Jika kami lakukan sedemikian, kami akan membatalkannya dan menganggapnya sebagai tidak pernah wujud.

Kami akan membayar balik sumbangan yang anda bayar tanpa jumlah tambahan, selepas ditolak apa-apa amaun yang terhutang. Sekiranya kami telah membayar manfaat, kami akan memperoleh kembali manfaat tersebut.

Syarat am

Sijil Induk dan Jadual Sijil Induk hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau pernyataan yang disertakan dengan makna khusus dalam mana-mana klausa Sijil Induk atau Jadual Sijil Induk atau sebarang endorsmen hendaklah membawa maksud khusus yang sama di mana jua ia digunakan.

Undang-undang terpakai

Sijil Induk anda adalah kontrak takaful antara anda dan kami, dan ditadbir oleh undang-undang di Malaysia, termasuk sebarang pekeliling, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Undang-undang Malaysia akan diguna pakai sekiranya terdapat sebarang percanggahan antaranya dan Sijil Induk.

Membuat tuntutan

Hubungi [Talian Perkhidmatan kami di 1 300 13 7988](tel:1300137988) untuk membuat tuntutan. Anda harus memberitahu kami secepat mungkin sekiranya tuntutan akan dibuat di bawah Sijil Induk anda.

Kami akan membayar semua manfaat kepada anda.

Salah nyata umur

Jika umur orang dilindungi disalah nyata dan dia telah dilindungi di bawah Sijil Induk ini sedangkan dia tidak layak atau kekal dilindungi apabila perlindungan takafulnya sepatutnya sudah ditamatkan, perlindungan akan dianggap tidak sah. Jika ini berlaku, sumbangan yang dibayar bagi orang dilindungi tersebut akan dikembalikan melainkan terdapat penipuan daripada pihak orang dilindungi. Selepas pembayaran ini dibuat, liabiliti kami berhubung orang dilindungi tersebut akan tamat.

Pemilik sijil hendaklah memberikan semua maklumat dan dokumen yang kami perlukan berkenaan Sijil Induk.

Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Ini merujuk kepada Notis kepada Pelanggan yang Berkaitan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ('notis PDPA') yang terdapat di laman web kami fwd.com.my.

Pemilik sijil mewakili dan menjamin bahawa ia mempunyai kuasa untuk memberikan maklumat berkaitan orang dilindungi, bahawa ia telah memberitahu orang dilindungi tentang tujuan maklumat peribadi mereka dikumpulkan, digunakan dan didedahkan serta pihak-pihak di mana maklumat peribadi tersebut mungkin akan didedahkan oleh pengendali takaful dan Pemilik Sijil dan orang dilindungi bersetuju dan memberikan kebenaran untuk pengendali takaful mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan memproses maklumat peribadi tersebut (sama ada diperolehi semasa proses permohonan atau pentadbiran Sijil Induk ini) menurut notis PDPA yang terdapat di laman web kami.

Hak anda untuk meminta maklumat lanjut

Anda boleh memohon untuk melihat, atau membetulkan, data peribadi orang dilindungi yang kami pegang. Anda juga boleh meminta daripada kami maklumat tentang:

- polisi dan amalan perlindungan data peribadi kami; dan
- jenis data yang dipegang oleh kami.

Anda perlu mengisi dan menghantar borang permintaan akses data kepada kami.

Hak anda untuk meminta kami berhenti menggunakan data peribadi orang dilindungi

Anda mempunyai hak untuk meminta kami berhenti menggunakan data peribadi di bawah Jadual Sijil Induk. Sekiranya anda meminta kami untuk berhenti, kami akan:

- berhenti menggunakan data peribadi, dan memusnahkannya (kecuali jika kami dikehendaki menyimpannya atas dasar undang-undang);
- menamatkan Jadual Sijil Induk; dan
- menolak amaun bagi tempoh orang dilindungi telah dilindungi daripada sumbangan yang telah dibayar, dan membayar balik sumbangan yang tidak digunakan kepada anda.

Untuk memohon kami berhenti, anda perlu menghantar permintaan secara bertulis.

Pindaan kepada notis PDPA

Kami boleh meminda notis PDPA pada bila-bila masa, dan pindaan akan terpakai kepada anda. Jika kami membuat sesuatu pindaan, kami akan membuat makluman mengenai pindaan di laman web kami, atau mengikut kaedah lain yang kami pilih.

Pemilikan sijil

Kecuali diperuntukkan sebaliknya secara nyata melalui endorsmen dalam Sijil Induk, kami berhak menganggap pemilik sijil sebagai pemilik mutlak Sijil Induk. Kami tidak akan terikat untuk mengiktiraf apa-apa tuntutan ekuiti atau tuntutan lain ke atas Sijil Induk atau kepentingan dalam Sijil Induk, dan penerimaan Sijil Induk atau manfaat oleh pemilik sijil sahaja yang merupakan pelepasan efektif bagi semua kewajipan dan liabiliti kami. Pemilik sijil dianggap bertanggungjawab bagi orang dilindungi di bawah Sijil Induk ini.

Tempoh takaful dan pembaharuan

Sijil Induk akan berkuatkuasa mengikut tarikh yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Induk. Ulang tahun sijil adalah satu tahun selepas tarikh mula dan setiap tahun berikutnya. Pada setiap ulang tahun itu, Sijil Induk boleh diperbaharui pada kadar sumbangan yang berkuatkuasa pada masa itu setelah dimaklumkan oleh kami. Sijil Induk boleh diperbaharui atas pilihan kami. Permohonan bagi penukaran manfaat hanya boleh dibuat ketika pembaharuan dan adalah tertakluk kepada penerimaan kami ketika pembaharuan.



Lampiran 1.0 – Manfaat kematian (semua sebab)

Dalam bahagian ini, kami menerangkan manfaat perlindungan, dan sebarang pengecualian khusus, syarat atau had yang dikenakan terhadap manfaat tersebut.

Deskripsi manfaat

Kami akan membayar manfaat kematian apabila orang dilindungi meninggal dunia. Kematian orang dilindungi mestilah berlaku semasa sijil masih aktif.

Jika orang dilindungi yang meninggal dunia adalah ahli

Apa yang kami bayar

- Kami akan membayar jumlah dilindungi manfaat kematian ditolak sebarang manfaat berkurangan yang telah dibayar bagi orang dilindungi tersebut seperti yang dinyatakan di dalam senarai ahli.

Apa yang berlaku selepas kami bayar

- Perlindungan takaful bagi ahli dan mana-mana tanggungan akan tamat selepas manfaat ini dibayar.

Jika orang dilindungi yang meninggal dunia adalah tanggungan

Apa yang kami bayar

- Kami akan membayar jumlah dilindungi manfaat kematian ditolak sebarang manfaat berkurangan yang telah dibayar bagi orang dilindungi tersebut seperti yang dinyatakan di dalam senarai ahli.

Apa yang berlaku selepas kami bayar

- Perlindungan takaful bagi tanggungan tersebut akan tamat selepas manfaat ini dibayar. Walau bagaimanapun, perlindungan takaful bagi ahli dan mana-mana tanggungan yang lain akan diteruskan dan sumbangan akan dikurangkan sewajarnya.

Bila kami tidak akan membayar

Kami tidak akan membayar manfaat kematian jika tuntutan yang dibuat berlaku akibat bunuh diri oleh orang dilindungi, dalam tempoh satu tahun dari tarikh mula perlindungan takaful seperti yang dinyatakan di dalam senarai ahli.

Ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental orang dilindungi.

Kami juga mungkin mengenakan pengecualian tertentu terhadap sijil anda apabila kami menawarkan untuk mengeluarkan Jadual Sijil Induk anda. Sekiranya terdapat pengecualian tertentu, kami akan merekodkan butiran tersebut dalam Jadual Sijil Induk atau endorsmen sijil.

Apa yang anda perlu lakukan apabila membuat tuntutan

Sekiranya berlaku kematian, satu salinan sijil kematian harus diserahkan kepada kami bersama-sama dengan borang tuntutan. Pemilik sijil harus membuat segala usaha untuk menghantar tuntutan kepada kami dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kematian.



Penamatan

Perlindungan takaful bagi orang dilindungi di bawah Lampiran ini akan tamat secara automatik dan serta-merta berdasarkan mana-mana yang berikut, yang berlaku terlebih dahulu:

- apabila orang dilindungi meninggal dunia;
- pada tarikh orang dilindungi mencapai umur luput maksimum seperti yang dinyatakan di bawah syarat kelayakan di dalam Jadual Sijil Induk;
- apabila jumlah amaun tuntutan yang dibayar untuk semua manfaat berkurangan yang lain bagi orang dilindungi bersamaan dengan 100% jumlah dilindungi bagi manfaat kematian orang dilindungi tersebut; atau
- pada mana-mana peristiwa seperti yang dinyatakan dalam bahagian 'Memulakan, membatalkan atau menamatkan sijil anda' (lihat [muka surat 12](#)) dalam Sijil Induk.

Lampiran ini akan tamat secara automatik dan serta-merta berdasarkan mana-mana yang berikut, yang berlaku terlebih dahulu:

- apabila kami atau pemilik sijil memberi notis 30 hari kepada pihak lagi satu; atau
- pada mana-mana peristiwa seperti yang dinyatakan dalam bahagian 'Memulakan, membatalkan atau menamatkan sijil anda' (lihat [muka surat 12](#)) dalam Sijil Induk.

Apabila Lampiran ini ditamatkan, perlindungan takaful bagi orang dilindungi di bawah Lampiran ini yang bermula sebelum penamatan tersebut akan diteruskan, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Induk, sehingga ia luput/ditamatkan menurut terma dan syarat tambahan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Induk.



Lampiran 6.0 – Manfaat kematian akibat kemalangan

Dalam bahagian ini, kami menerangkan manfaat perlindungan, dan sebarang pengecualian khusus, syarat atau had yang dikenakan terhadap manfaat tersebut.

Deskripsi manfaat

Kami akan membayar jumlah dilindungi manfaat kematian akibat kemalangan seperti yang dinyatakan di dalam senarai ahli apabila orang dilindungi meninggal dunia akibat kemalangan, sebagai tambahan kepada manfaat kematian yang dibayar. Kematian orang dilindungi mestilah berlaku semasa sijil masih aktif dan dalam tempoh 180 hari dari kemalangan.

Bila kami tidak akan membayar

Kami tidak akan membayar manfaat kematian akibat kemalangan akibat sebab-sebab berikut:

Tindakan menyalahi undang-undang

Kami tidak akan membayar manfaat tersebut jika tuntutan timbul kerana orang dilindungi dengan sengaja terlibat dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang atau kegagalan untuk mematuhi undang-undang.

Peperangan

Kami tidak akan membayar manfaat tersebut jika tuntutan itu adalah akibat tindakan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau sebarang kejadian yang serupa.

Apa yang anda perlu lakukan apabila membuat tuntutan

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, satu salinan sijil kematian dan bukti kemalangan harus diserahkan kepada kami bersama-sama dengan borang tuntutan. Pemilik sijil harus membuat segala usaha untuk menghantar tuntutan kepada kami dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kematian.

Penamatan

Perlindungan takaful bagi orang dilindungi di bawah Lampiran ini akan tamat secara automatik dan serta-merta berdasarkan mana-mana yang berikut, yang berlaku terlebih dahulu:

- apabila orang dilindungi meninggal dunia;
- pada tarikh orang dilindungi mencapai umur luput maksimum seperti yang dinyatakan di bawah syarat kelayakan di dalam Jadual Sijil Induk;
- apabila jumlah amaun tuntutan yang dibayar untuk semua manfaat berkurangan yang lain bagi orang dilindungi bersamaan dengan 100% jumlah dilindungi bagi manfaat kematian orang dilindungi tersebut; atau
- pada mana-mana peristiwa seperti yang dinyatakan dalam bahagian 'Memulakan, membatalkan atau menamatkan sijil anda' (lihat [muka surat 12](#)) dalam Sijil Induk.

Lampiran ini akan tamat secara automatik dan serta-merta berdasarkan mana-mana yang berikut, yang berlaku terlebih dahulu:

- apabila kami atau pemilik sijil memberi notis 30 hari kepada pihak lagi satu; atau
- pada mana-mana peristiwa seperti yang dinyatakan dalam bahagian 'Memulakan, membatalkan atau menamatkan sijil anda' (lihat [muka surat 12](#)) dalam Sijil Induk.

Apabila Lampiran ini ditamatkan, perlindungan takaful bagi orang dilindungi di bawah Lampiran ini yang bermula sebelum penamatan tersebut akan diteruskan, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Induk, sehingga ia luput/ditamatkan menurut terma dan syarat tambahan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Induk.

Untuk maklumat lanjut,

hubungi hotline kami atau
layari laman web kami di

fwd.com.my



Hubungi Talian
Perkhidmatan kami
1 300 13 7988

9 pagi – 6 petang
Isnin hingga Jumaat
Kecuali Hujung Minggu
dan Cuti Umum



Anda sudah menjadi pelanggan?
Sila log masuk ke portal
pelanggan kami

Mengenai FWD Takaful Berhad

FWD Takaful Berhad (“FWD Takaful”) adalah pengendali takaful di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan takaful keluarga. FWD Takaful dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. FWD Takaful adalah unit perniagaan takaful Kumpulan FWD.

Layari fwd.com.my.

Mengenai Kumpulan FWD

Kumpulan FWD (“FWD”) adalah perniagaan insurans hayat Asia dengan lebih daripada 10 juta pelanggan merentasi 10 pasaran, termasuk beberapa pasaran insurans yang paling pesat berkembang di dunia. FWD menyambut ulang tahun yang ke-10 pada tahun 2023. FWD menumpukan usaha untuk menjadikan insurans lebih mudah, cepat dan lancar, dengan pembaharuan yang inovatif dan pelan perlindungan yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital. Melalui pendekatan yang mengutamakan pelanggan ini, FWD komited untuk mengubah pandangan orang ramai terhadap insurans dan takaful.

Layari fwd.com.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).